

# Warta Warisan

ورتا واریشن



Majlis Perbandaran Klang

Bil. 12/2022

Jilid 2

Disember 2022

Naskah Percuma

## Kunjungan Majlis Perbandaran Pengerang



Shah Alam, 21 Disember 2022 – Dalam usaha untuk mencapai visi transformasi Pengerang Pintar 2030, Majlis Perbandaran Pengerang (MPP) telah mengadakan Program Sesi Libat Urus Bandar Pintar dan Mesra Pelabur MPP di Hotel Chorus, Kuala Lumpur pada 20 hingga 23 Disember 2022.

Bengkel ini telah disertai oleh YBrs Tuan Fizwan Dato' Haji Mohd Rashidi, Yang Dipertua MPP, Tuan Haji Hanis Musalman Solehan Setiausaha MPP, Ketua-ketua Jabatan serta pegawai-pegawai teknikal MPP.

(bersambung ke halaman 5)



## Festival Warisan Seni Budaya dan Pelancongan

Laporan Nur Iffah Dayana bt Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 17 Disember 2022 – EXCO Pembangunan Luar Bandar & Kampung Tradisi dan Adat Istiadat Melayu, Kebudayaan & Warisan Negeri Selangor, YB Borhan Aman Shah malam ini merasmikan Festival Warisan, Seni Budaya dan Pelancongan 2022 peringkat MPK.

Dalam ucapan beliau mengatakan penganjuran program kebudayaan seperti ini sedikit sebanyak dapat merancakkan lagi sektor pelancongan di daerah Klang.

“Tahniah dan syabas kepada MPK atas inisiatif menganjurkan program berbentuk kebudayaan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk mengenali dan mempelajari sejarah, warisan seni dan budaya,” katanya lagi.

Hadir sama Yang Dipertua MPK, TPr. Hajah Noraini Roslan; Timbalan YDP / SU MPK, Elya Marini Darmin; Pegawai Daerah Klang, Tuan Shahman Jalaludin; Ahli-ahli Majlis MPK, ketua-ketua jabatan dalaman MPK, agensi-agensi kerajaan negeri Selangor dan warga Klang.



# Kandungan

## Berita dan Artikel

Festival Warisan, Seni Budaya dan Pelancongan Klang 2022	3
Majlis Pelancaran Batik Selangor	4
Kunjungan Majlis Perbandaran Pengerang	5
Teater Perkhidmatan Awam 2022: Antara Tiga	6
Rakaman Dokumentari FINAS	7
Jejak Silat Klang: Silat Seranteh	8
Kunjungan Pertubuhan Perancang Malaysia	10
Pembersihan Bekas Pejabat Hutan Klang dan Stor Ubat Bedil	10

## Laman Jawi

Surat Raja Ali Selangor kepada Francis Light untuk meminjam wang selaksa rial	11
---	----

## Kenali Warisan

Warisan Kebudayaan Bawah Air	12
Zon Dilindungi Akta Warisan Kebangsaan	12

## Sidang Redaksi

### Penaung

YBrs. TPr. Hajah Noraini binti Roslan S.I.S, P.P.T.



### Penasihat

Norfiza binti Mahfiz

Nor Haslinah binti Mohamed Jaafar

### Kurator / Pengarang / Editor / Penyelidik

Faisal bin Dato' Haji Surani

### Penolong Kurator / Pengarang / Pembantu Tadbir

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

### Pelatih Penyelidik dan Penulis Sejarah

Muhammad Ikhwan bin Wahidon

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.*

Tahun 2022 bakal melabuhkan tirainya namun aktiviti dan program warisan tetap rancak dilaksanakan.

*Festival Warisan, Seni Budaya dan Pelancongan 2022 anjuran MPK pada 17 dan 18 Disember diadakan serentak dengan Hari Tanpa Kenderaan Klang bulan ini bersama program Jingga Selangor Fun Run anjuran Wanita Berdaya Selangor.*

*Pelbagai acara kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum serta acara sukan telah diadakan termasuklah acara Explorace Royal Klang Town Heritage Walk 2022.*

*Awal bulan ini Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) melancarkan pakaian Batik Selangor khas untuk penjawat awam negeri Selangor.*

*Persembahan teater Jabatan Perkhidmatan Awam 2022 bertajuk Antara Tiga turut menghiasi kalender acara bulan ini. Teater yang mengisahkan sejarah Klang pada 3 zaman berbeza dilakukan oleh kakitangan awam negeri Selangor.*

*Bulan ini satu segmen baru, Jejak Silat Klang, diperkenalkan oleh saudara Ikhwan, pelajar pelatih industri dari Universiti Malaya.*

*Dokumentari FINAS Ada Angin Ada Pokoknya yang menceritakan asal usul nama sesuatu tempat di Selangor dan Kuala Lumpur telah mula bersiaran di YouTube FINAS Malaysia mulai 12 Disember jam 9.00 malam.*

*Faisal bin Dato' Haji Surani  
Kurator*

*Tinta Pena  
Kurator*

Warta Warisan MPK diterbitkan oleh

Pusat Sumber MPK,  
Pejabat Cawangan MPK Jalan Tengku Kelana,  
Lot 175 Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,  
Selangor Darul Ehsan.

Warta Warisan MPK Online

<https://www.mpklang.gov.my/ms/warta-warisan>

Kurator: +603 33758080

Pusat Sumber: +603 33758006

Faks: +603 33731978



*Shah Alam, 1 Disember 2022 – Kerajaan negeri hari ini melancarkan pakaian Batik Selangor bermotifkan bunga tanjung yang merupakan identiti negeri Selangor kepada barisan Exco, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan para penjawat awam di Selangor.*

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pemakaian batik itu juga mungkin akan dibenarkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) sebagaimana yang dilaksanakan di peringkat Parlimen. Di samping itu, pemakaian itu juga akan dicadangkan kepada peringkat akar umbi seperti ketua kampung dan sebagainya.

Baju Batik Selangor menampilkan corak bunga tanjung kelopak sembilan dan bakal dijadikan identiti rasmi negeri dihasilkan dengan kerjasama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dan Kraftangan Malaysia.

Pembangunan Batik Selangor bermula setahun yang lalu di mana Kerajaan Negeri melalui PADAT telah melakukan kajian dengan menggunakan motif bunga tanjung kelopak sembilan. Reka bentuk dan motif batik berkenaan pula dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Selangor.



Projek penyelidikan dan pembangunan Batik Selangor ini turut melibatkan kerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri Selangor dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Negeri Selangor.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa

Tetap Kebudayaan, YB Borhan Aman Shah dalam ucapannya berkata, pemakaian batik wajar diperluas sama ada secara formal atau tidak formal. Usaha mengangkat batik adalah bertujuan untuk memartabatkan batik tempatan, membangunkan industri tekstil berdasarkan seni kreatif negara dan mengekalkan serta mempromosi identiti warisan.



(dari halaman hadapan)

Di celah kesibukan bengkel, MPP berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Klang. Rombongan MPP telah disambut mesra oleh TPr. Hajah Noraini Roslan, Yang Dipertua MPK bersama Puan Elya Marini Darmin, Timbalan YDP MPK.

Satu sesi perkongsian idea dan inovasi program-program mesra pelabur telah diadakan antara MPP dan MPK diikuti taklimat Pembangunan Pintar dan Manual Mesra Pelabur MPK oleh Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Kanan) MPK, TPr. Mohd Fauzi Burham.

Semoga kerjasama antara dua PBT ini akan diteruskan bagi kelestarian kesejahteraan bandar secara mapan.



*Lawatan ke tapak bersejarah Kota Raja Mahadi*




*Foto: Majlis Perbandaran Pengerang*

## Sekitar Kunjungan Majlis Perbandaran Pengerang



Laporan: Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza



Kuala Lumpur, 8 Disember 2022 – Bersempena Dekad Bahasa Kebangsaan Sektor Perkhidmatan Awam 2022, satu pementasan Teater Perkhidmatan Awam 2022 ‘Antara Tiga’ telah diadakan di Panggung Sari, Istana Budaya mulai hari ini sehingga 10 Disember. Teater Antara Tiga merupakan sebuah karya yang menceritakan cabaran dihadapi oleh masyarakat Klang dengan menyingkap tiga sejarah utama di bumi Klang yang telah mengubah landskap kehidupan di Klang sehingga kini.

Teater Sejarah Klang ‘Antara Tiga’ telah dibangunkan hasil kajian tentang sejarah Klang pada tahun 1025, 1445 dan 1867 yang memperincikan kemelut sosial apabila Klang terpaksa berhadapan dengan isu anasir gangsterisme dan kebangkitan golongan kecelaruan gender serta pekerja tunasusila melalui kewujudan kelab malam.

Dibintangi sepenuhnya oleh penjawat awam daripada 30 agensi kerajaan sebagai pelakon dan tenaga kerja produksi, teater ini melibatkan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Antara Seni Perkhidmatan Awam (ASPA), Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) dan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD).

Majlis Perbandaran Klang yang sejak dari awal telah terlibat secara langsung dengan pementasan ini bersama Kurator MPK, Faisal Surani, turut menghadiri hari pertama pementasan teater ini di Istana Budaya, Kuala Lumpur.





Foto:

Nur Iffah Dayana binti Ezafel Ezudin Ridza

Klang, 7 Disember 2022 – Penggambaran dokumentari *Ada Angin Ada Pokoknya* Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) diteruskan lagi bulan ini.

Kali ini penggambaran dilakukan di Pejabat Kurator MPK yang terletak di Pusat Sumber MPK di Jalan Tengku Kelana.

Rakaman banyak tertumpu pada tugas-tugas Kurator sehari-hari dan kerja-kerja penyelidikan untuk mendapatkan maklumat, gambar dan peta tentang asal usul nama sesuatu tempat.

Fakta dan maklumat yang diperolehi inilah yang akan digunakan sebagai asas jalan cerita serta diolah menjadi asas skrip dokumentari .



# Jejak Silat Klang

Luhur Budaya Alam Melayu



## SILAT SERANTEH BERTAPAK DI BUMI KLANG

IKHWAN WAHIDON

Silat Seranteh merupakan pertubuhan yang diasaskan di Klang pada awal tahun 1950-an. Tuan Guru Haji Ahmad bin Nirun telah membuka gelanggang pertama di Kampung Mentaram, Klang. Tuan Guru Haji Ahmad Nirun mempelajari ilmu persilatan dariapada datuknya Tuan Haji Alias yang berasal dari Jambi. Asal-usul perkataan Seranteh mempunyai pelbagai versi, berdasarkan carian di laman sesawang PERSIS, perkataan Seranteh berkait rapat dengan tempat asal silat ini bermula iaitu di Kampung Ngerateh di Tambakrejo. Tetapi, menurut Encik Ariffin, perkataan Seranteh berasal dari bunga yang disebut dalam loghat tempatan di Jawa sebagai bunga ranteh dan frasa perkataan tersebut digabungkan dengan nama negeri Selangor dan menjadi Seranteh.



## Info Ringkas

Pengasas : Tuan Guru Haji Ahmad bin Nirun

Diasaskan pada tahun 1950-an

Hubungi: 01135184998  
- Arifin bin Nayat

Lokasi: Amazing Height,  
Sungai Udang

Setiap malam Jumaat,  
Sabtu, Ahad



PERSIS merupakan cawangan tunggal dan tiada cawangan di negeri lain. Menurut Encik Ariffin, setiausaha PERSIS, gelanggang silat hanya dibuka di sekitar kawasan Klang Selatan dan tidak pernah membuka cawangan di luar kawasan tersebut. Boleh dikatakan, PERSIS adalah silat yang eksklusif dari Klang.

PERSIS memfokuskan kepada aspek kesenian bunga dalam persilatan. Keunikan yang terdapat dalam bunga PERSIS ini menjadi rujukan kepada gelanggang lain untuk bertukar pandangan dan menambah baik pergerakan dalam persilatan. PERSIS juga dipanggil untuk membuat persembahan silat di hadapan Sultan Selangor semasa Hari Keputeraan baginda selama 12 tahun berturut-turut.



Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian sebelum membuat persembahan di hadapan Sultan. Gerak bunga dalam persilatan Seranteh diubah suai mengikut kesesuaian agar tidak menyinggung dan memberi makna yang tidak elok kepada Sultan.

Kedudukan keris yang disemat di pinggang juga perlu disisip dengan rapi dan kepala keris tidak menghadap ke arah Sultan. Pengalaman beraksi di hadapan Sultan Selangor menjadikan PERSIS tempat rujukan bagi perguruan silat lain.

PERSIS kini dalam usaha untuk kembali semula mengukuhkan kedudukan di arena persilatan Klang selepas PKP dua tahun lalu. Selepas kematian Tuan Guru Utama Bapak Muis bin Subari pada 7 April 2020, PERSIS berehat lama bagi mengatur semula perjalanan pertubuhan tersebut. Kini tanggungjawab guru utama telah dipecahkan di kalangan guru latih yang masih setia bersama PERSIS.



*Kurator MPK bersama Allahyarham Guru Utama PERSIS Bapak Muis bin Subari di Istana Alam Shah Klang*

## Kunjungan Pertubuhan Perancang Malaysia

*Klang, 29 Disember 2022 – Pejabat Kurator pagi ini menerima kunjungan Puan Nur Syahira Zulkefly, Ketua Penyelidikan dan Projek, Pertubuhan Perancang Malaysia.*

Pertemuan dengan Kurator MPK, Faisal Surani bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang tapak-tapak warisan di bandar Klang serta perkembangan bandar Klang dari awal mula petempatan hingga hari ini. Maklumat ini adalah bagi melengkapkan kajian beliau bagi pengajian peringkat sarjana.

Perkongsian beberapa foto lama dan peta-peta lama Klang telah dapat memberi gambaran perkembangan bandar Klang.



## Pembersihan Bekas Pejabat Hutan Klang dan Stor Ubat Bedil

*Klang, 21 Disember 2022 – Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bersama pelajar pelatih industri Jabatan Sejarah Universiti Malaya pagi ini telah bergotong royong membersihkan tapak warisan Pejabat Hutan Klang lama yang turut meliputi stor ubat bedil.*

Pembersihan tapak-tapak warisan dilakukan secara berkala oleh PADAT dan operasi kali ini diketuai oleh Kurator Bahagian Pendidikan dan Monumen PADAT, Abdullah Anas bin Abu Bakar.



*Kawasan stor ubat bedil sebelum pembersihan (atas) dan selepas pembersihan (bawah)*



## Laman Jawi /

### Transliterasi Surat: Surat Raja Ali Selangor kepada Francis Light untuk meminjam wang selaksa rial

کان  
بهه این سور تولس دان اخلاق سرت سو جي هان فوته  
یافت در قدر سراج علی باعند کفیکن تو هن سرو طلبان عالم اغلمه  
کبر ائی داتح کفر صحابه کبت کون بر نور در فرلو فیض ش براوله خرسنه دباده  
تحفیت اغیر پس ش براوله نام طلبان کفدا و نع اسلام نکری شمیرن امام بعد  
محمدین در قدر ایه کیت مباری کون کفر صحابه کبت جعلواد نوغی صحابه  
کبت کفر کیت منیان نوغی او نوغی کفر صحابه کبت پل بارع سلفس جعلو بوله  
صحابه کیت نوغی کیت صحابه کیت برقکن کفر بایا بحیج محمد کارن کبت  
صحابه کیت نوغی کیت صحابه کیت راج سلام کارن کیت درق بالیق  
۱۳۸۷ هـ ۱۷ نومبر ۱۹۶۸ م. ۱۷ نومبر ۱۹۶۸ م.



#### Al-Shams wa al-Qamar

Bahawa ini surat tulus dan ikhlas serta suci hati putih hati, iaitu daripada Raja Ali, barang disampaikan Tuhan seru sekalian alam apalah kiranya datang kepada sahabat kita Gubenor Pulau Pinang yang beroleh perintah di bawah kompeni Inggeris yang beroleh nama sekalian kepada orang Islam negeri timur ini, amma ba'dah.

Kemudian daripada itu, kita memberi surat kepada sahabat kita, jikalau ada tolong sahabat kita kepada kita, mintak tolong utang kepada sahabat kita rial barang selaksa, jikalau boleh sahabat kita tolong kepada kita, sahabat kita berikan kepada To Haji Mahmud, karena kita belumlah lagi dilepaskan oleh saudara kita Raja Selangor, karena kita hendak balik ke sinun mengambil saudara kita sekaliannya datang ke Selangor, karena kita kurang belanja itu. Maka kita hendak berutang dahulu kepada sahabat kita. Jikalau ada dengan tolong sahabat kita, hendaklah sahabat kita segerakan Haji Mahmud itu balik ke Selangor dengan dalam bulan ini juga.

Dan lagi ada orang kita, Guru Khatib hendak naik haji, hendaklah sahabat tupangkan dengan segeranya. Suatu pun tiada alamat kepada kita datang kepada sahabat kita, hanya tabik banyak2 adanya.

Tersurat di dalam negeri Selangor, pukul jam 3.  
[MS 40320/3,f. 62v]

#### Kulit luar surat:

Ini surat Raja Ali.

Raja Ally 17 Nov 88

## Kenali Warisan



### Warisan Kebudayaan Bawah Air

Selain objek Warisan Ketara dan Warisan Tidak Ketara, satu lagi kategori adalah Warisan Kebudayaan Bawah Air, dinyatakan pada Bahagian IX Akta Warisan Kebangsaan 2005.

Di bawah akta ini, sesiapa yang menemui atau menjumpai suatu warisan kebudayaan di bawah air di dalam perairan Malaysia hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pesuruhjaya Warisan atau pegawai pelabuhan berdekatan.

Adalah menjadi suatu kesalahan bagi sesiapa yang tidak memaklum atau tidak melaporkan penemuan sebarang objek warisan kebudayaan bawah air kepada pihak berkuasa.

Pegawai pelabuhan apabila menerima makluman berkenaan hendaklah dengan segera memaklum atau menyerahkan warisan kebudayaan bawah air kepada pihak berkuasa.

Pesuruhjaya Warisan apabila berpuas hati warisan berkenaan mempunyai nilai warisan kebudayaan yang penting, boleh menyenaraikannya dalam Daftar Warisan.

Jika Pesuruhjaya Warisan berpendapat mana-mana warisan kebudayaan di bawah air yang terletak di dalam perairan Malaysia mempunyai nilai warisan kebudayaan yang penting tetapi berusia kurang dari satu ratus tahun, beliau hendaklah menasihati Menteri dan Menteri, melalui notis yang disiarkan dalam Warta, boleh mengisytiharkan tapak atau objek itu sebagai warisan kebudayaan di bawah air.

Mana-mana tapak atau objek yang diisytiharkan sebagai suatu warisan kebudayaan di bawah air hendaklah disenaraikan dalam Daftar Warisan.

### Zon Dilindungi Akta Warisan Kebangsaan

Di bawah akta ini, seseorang Menteri, atas nasihat Pesuruhjaya, boleh mengisytiharkan dalam notis yang disiarkan dalam Warta, mana-mana kawasan yang di dalamnya terdapat suatu warisan kebudayaan di bawah air sebagai zon yang dilindungi.

Sebarang aktiviti di dalam zon yang dilindungi tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan secara bertulis daripada Pesuruhjaya Warisan. Ini termasuklah apa-apa kerja penyelamat (*salvage*) atau penggalian di dalam mana-mana perairan Malaysia bagi maksud mencari apa-apa warisan kebudayaan di bawah air, kecuali dengan lesen yang diberikan oleh Pesuruhjaya Warisan.

Sesiapa yang melanggar peraturan ini telah melakukan suatu kesalahan.



Lima zon bawah air yang dilindungi di Malaysia adalah:

1. Perairan Pulau Upah dan Pulau Besar
2. Perairan Tanjung Tuan
3. Perairan Tioman
4. Perairan Wilayah Persekutuan Labuan
5. Perairan Pulau Bidong